

Kenangan 31 Ogos 1957 terindah

BH Sabtu 23/6/2007

Penentang Malayan Union duduk di tangga kereta api ke KL sambut merdeka



50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Johari Ibrahim

SUASANA di Stesen Kereta Api Bukit Mertajam pada malam 29 Ogos 1957 agak sesak dengan orang ramai. Sebahagian besar daripada penumpang adalah dalam perjalanan ke Kuala Lumpur bagi menyaksikan satu peristiwa bersejarah detik 12.01 pagi 31 Ogos 1957 dan upacara pengisytiharan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka di ibu negara.

Di celah orang ramai yang berasak-asak meloloskan diri ke dalam gerabak untuk berebut tempat duduk ialah seorang pemuda, iaitu Osman Abu Bakar serta dua rakannya, Mustafa Daurus dan Osman Abdullah atau Osman Janggut.

Perjalanan mereka agak selesa dari Stesen Kereta Api Sungai Petani ke Bukit Mertajam kerana ada tempat duduk.

"Keadaan dalam kereta api sesak pada malam itu menyebabkan kami bertiga terpaksa duduk di atas lantai dan tangga sepanjang perjalanan ke Kuala Lumpur selepas bertukar kereta api di Bukit Mertajam," kata Osman ketika ditemui di rumahnya di Persiaran Sultan Abdul Hamid, Alor Star, baru-baru ini.

Suasana panas, bising dan berasak-asak sepanjang lebih lapan jam perjalanan ke ibu kota seakan tidak dirasakan tiga anak muda itu.

"Tempat duduk dalam gerabak tidak cukup. Ada yang duduk atas lantai, di ruang tengah antara tempat duduk dan kami di tangga saja," katanya yang kini berusia 85 tahun.

Osman dan rakannya itu mewakili Pemuda Umno Bahagian Kedah Tengah ketika itu untuk ke upacara Pengisytiharan Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada 31 Ogos 1957. Ada 10 wakil Pemuda bahagian itu ke Kuala Lumpur tetapi yang lain bertolak dengan bas.

"Itulah kali pertama saya pergi Kuala Lumpur pada umur 35 tahun. Sepanjang perjalanan, kami terbayang bagaimana bentuk sambutan upacara itu," katanya yang juga bapa Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Azhar Osman.

Osman dan rakannya mengeluarkan wang sendiri untuk membeli tiket kereta api ke Kuala Lumpur kerana Umno bahagian hanya memberi wang saku RM20 seorang. Harga tiket kereta api dari Sungai Petani ke Kuala Lumpur ialah RM8.

Ada sekitar 60 orang, termasuk 30 ahli Umno Kedah Tengah dijemput ke Kuala

PROFIL

- Nama: Osman Abu Bakar
- Lahir: 15 Ogos 1922
- Asal: Jerlun, Kedah
- Isteri: Khatijah Ahmad
- Anak: Enam - tiga lelaki dan tiga perempuan
- Politik: 1946 - menyertai Umno - Ahli Jawatan kuasa Pemuda Umno bahagian Kedah Tengah - Ahli Umno Cawangan Seberang Perak
- Pendidikan: 1930-an - Sekolah Melayu Seberang Perak, Alor Star 1935 - 1941 - Government English School (kini Kolej Sultan Abdul Hamid) sehingga lulus Junior Cambridge.
- Kerjaya: 1947 - Kerani di Pejabat Tanah Alor Star dan Yan (beberapa bulan) kemudian ke Jabatan Pengairan dan Saliran Sungai Petani hingga pen-cen pada 1977.

Lumpur untuk upacara itu dan dua bas disewakan yang hanya bertolak pada 30 Ogos.

Osman menggunakan wang sendiri untuk membeli tiket kerana mahu pergi awal dengan kereta api. Beliau dan rakannya menerima kad jemputan menghadiri upacara itu empat hari lebih awal ketika mesyuarat bahagian di Sungai Petani tetapi tidak dimaklumkan mengenai atur cara upacara berkenaan.

"Sepanjang perjalanan masing-masing tertanya-tanya apa makna semua itu kerana kami tidak pernah tahu apa rasanya merdeka dan bagaimana hendak sambut," katanya.

Orang ramai berbual mengenai sambutan itu dalam kereta api, tetapi tidak banyak yang faham apa yang akan berlaku.

Osman dan rakan tiba di Kuala Lumpur pada pagi 30 Ogos 1957 dan diperhatikan tidak ada tanda-tanda sambutan yang menonjol seperti sekarang.

"Kami menumpang di rumah Osman Janggut di Jalan Princess (sekarang Jalan Raja Muda) kerana dia orang Kuala Lumpur dan bekerja di Sungai Petani," katanya.

Sekitar jam 8 malam 30 Ogos 1957, Osman serta rakannya dengan pakaian rasmi Pemuda Umno, seluar panjang dan baju kemeja lengan panjang putih dan bersong-



BERSEMANGAT: Osman (dua dari kanan) bersama Abdul Rahim Ahmad (kanan), Mansor Akil (dua dari kiri) dan Mustafa selepas majlis Pengisytiharan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

kok - semua dibeli dengan wang sendiri, berjalan kaki dari Kampung Baru ke Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka).

"Setiba di sana, sekitar 10,000 orang sudah berkumpul di padang menghadap ke Bangunan Sultan Abdul Samad dengan mata masing-masing merenung jam besar di situ. Pada tiang bendera di situ, ada bendera Union Jack yang akan diganti dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu malam itu," katanya.

Tepat jam 12.01 tengah malam, seminit memasuki 31 Ogos 1957, bendera Union Jack diturunkan dan digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu.

"Sebaik saja bendera kita dinaikkan, hujan turun amat lebat di Kuala Lumpur dan orang kata itu adalah hujan tanda rahmat Allah SWT," katanya.

Keesokannya, Osman dan rakan yang segak berpakaian sut Melayu bertolak pula ke Stadium Merdeka dengan kereta Mercedes-Benz yang dipandu rakan mereka yang bertugas sebagai pemandu sementara orang kenamaan pada majlis pengisytiharan itu.

"Sebelum dia pergi ambil orang kenamaan ke Stadium Merdeka, dia ambil kami dulu pada awal pagi, tidak perlu berjalan kaki pagi itu," katanya.

Mereka yang tiba awal memasuki stadium dan duduk di sebelah kanan pentas utama yang menyaksikan Pesuruhjaya British menyerahkan skrol sebagai simbolik penyerahan kuasa pemerintahan kepada Tunku Abdul Rahman.

"Majlis begitu ringkas, selepas Tunku menerima skrol itu, dia membukanya dan membaca di hadapan puluhan ribu hadirin, diikuti oleh laungan 'merdeka' sebanyak tiga kali," katanya.

Hadirin tidak diminta berdiri, tetapi secara spontan mereka berdiri ketika Tunku mengetuai laungan 'Merdeka' dalam keadaan hujan renyai-renyai.

"Pakaian hadirin basah dan saya lihat ada macam-macam warna yang turun ke tempat duduk kerana pakaian yang dipakai mungkin tidak berkualiti menyebabkan warnanya turun (luntur) terkena air," katanya tertawa.

Sehingga beberapa tahun kemudian, baru Osman sedar upacara yang dihidungnya itu amat bermakna dan harus dipelihara dengan baik sampai bila-bila.

Penat lelah Osman bersama beberapa rakan termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkempen supaya orang Melayu menentang Malayan Union pada 1946 di Alor Star berakhir dengan upacara gemilang itu.